

TARIKH	10 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	28	RUANGAN	Dlm Negeri

## Talian Ibadat bantu jemaah di Mekah

KOTA BHARU 9 Sept. - Lembaga Tabung Haji akan memperkenalkan perkhidmatan 'Talian Ibadat' bagi membantu jemaah haji yang berdepan dengan masalah semasa di Tanah Suci Mekah.

Ketua Pegawai Pelaburannya, Abdul Kadir Sahlan berkata, jemaah haji yang berdepan sebarang masalah, boleh menghubungi talian tersebut 025704433 bagi mendapatkan sebarang khidmat nasihat.

Menurutnya, bilangan petugas Tabung Haji yang terhad di Tanah Suci ada ketikanya membataskan bantuan dan perkhidmatan seperti khidmat nasihat yang diperlukan segera oleh para jemaah haji.

"Perkhidmatan ini disediakan sebagai sebahagian program meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan yang diberikan oleh Tabung Haji kepada jemaah haji terutamanya semasa berada di Mekah," katanya ketika berucap pada majlis perasmian Kursus Haji Perdana Musim 1433 peringkat

negeri Kelantan di Politeknik Kota Bharu di sini yang berakhir semalam.

Majlis itu dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Dr. Awang Adek Hussein.

Turut hadir, Pengarah Tabung Haji Negeri Kelantan, Mohd. Nasir Mohd. Yusoff; Pengarah Jabatan Pembangunan Persekutuan Kelantan, Datuk Makhatar Mustapha dan Pengarah Politeknik Kota Bharu, Noor Azahan Othman.

Mengulas lanjut, Abdul Kadir berkata, semasa di Tanah Suci, terdapat jemaah haji yang memerlukan khidmat nasihat berkaitan ibadat dan perkara-perkara bersifat peribadi.

Bagaimanapun, katanya, ada ketikanya jemaah terbabit malu untuk membincangkannya secara terbuka dengan pegawai Tabung Haji yang mengetuai kumpulan mereka.

"Dengan adanya Talian Ibadat itu yang beroperasi 24 jam, urusan jemaah haji semasa di Mekah dapat dijaga lebih cepat serta lancar," katanya.